



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MEKAR DINAMIK YKN BUKA PELUANG KEDUA, BANTU BEKAS PENGHUNI PENJARA BINA SUMBER PENDAPATAN

KOTA KINABALU, 15 Ogos 2026 – Seramai 22 prospek bekas penghuni Penjara Wanita Kota Kinabalu menerima Kit Mekar Dinamik @ Wanita Bangkit Bersasar sebagai persediaan untuk membina sumber pendapatan dan memulakan kehidupan yang lebih berdikari selepas kembali ke komuniti.

Penyerahan kit tersebut disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara (YKN), YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam rangka lawatan kerja beliau bagi meninjau pelaksanaan Program Mekar Dinamik @ Wanita Bangkit Bersasar (WBB) di Sabah.

Program yang dilaksanakan YKN dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia itu merupakan inisiatif pemerkasaan wanita yang memberi peluang kedua kepada prospek wanita untuk membina semula kehidupan selepas dibebaskan.

Pelaksanaannya menggunakan pendekatan berstruktur merangkumi tiga fasa utama iaitu Fasa Transisi yang memberi tumpuan kepada sokongan emosi dan pembangunan sendiri, Fasa Transformasi melalui pembangunan kemahiran serta Fasa Integrasi yang memberi fokus kepada penjana pendapatan.

“Setiap wanita berhak diberikan peluang untuk membina semula kehidupan. Melalui Mekar Dinamik, kita bukan sekadar memberikan bantuan, tetapi menyediakan kemahiran, sokongan dan peralatan yang boleh digunakan untuk menjana pendapatan apabila mereka kembali ke dalam masyarakat.

“Kita mahu mereka keluar dengan keyakinan bahawa mereka mempunyai kemahiran dan peluang untuk berdikari. Sebab itu sokongan yang diberikan perlu membawa mereka daripada proses pemulihan kepada pemerkasaan dan akhirnya mampu menjana pendapatan sendiri,” kata Nancy.

Melalui Fasa Integrasi, peserta yang terpilih menerima Kit Mekar Dinamik berupa set peralatan perniagaan berdasarkan kemahiran masing-masing bagi membolehkan mereka memanfaatkan kemahiran yang telah dipelajari untuk memulakan aktiviti menjana pendapatan.

Bagi kumpulan terbaharu di Sabah, antara kit yang diserahkan ialah Set Bakeri, Set Jahitan, Set Sejuk Beku dan Set Refleksologi yang disesuaikan dengan kemahiran serta bidang yang diceburi peserta.

Nancy turut meluangkan masa bersama peserta dalam aktiviti membuat kuih-muih serta meninjau sendiri set peralatan yang diterima.

Program Mekar Dinamik @ WBB mula dilaksanakan pada tahun 2024 susulan kerjasama YKN dan Jabatan Penjara Malaysia dalam usaha membantu prospek wanita menjalani kehidupan yang lebih baik selepas dibebaskan.

Di Sabah, pelaksanaan program turut diperkukuh melalui Anjung WBB YKN @ Rumah Perantaraan Kota Kinabalu yang menyediakan ruang bagi pelaksanaan aktiviti pemerksaan termasuk pembuatan pastri dan kuih-muih, kerepek dan biskut, penghasilan kraftangan manik dan mutiara, jahitan dan ubah suai pakaian, bantuan Kit Dinamik serta kemudahan rumah transit sementara.

Bagi tempoh 2024 hingga 2026, seramai 3,584 penerima manfaat telah direkodkan menerusi pelaksanaan Program Mekar Dinamik @ Wanita Bangkit Bersasar dan aktiviti berkaitan yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia.

Dalam lawatan sama, Nancy turut meninjau perkhidmatan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Bergerak yang menyediakan ruang kepada peserta mendapatkan sokongan psikososial. Beliau turut menyaksikan demonstrasi pengurusan kes menggunakan aplikasi MyPSSS.

Lawatan diteruskan ke Rilex Kafe Mekar Dinamik WBB serta tapak Pusat Latihan Kemahiran Mekar Dinamik Zon Sabah di Kompleks Penjara Negeri Sabah sebagai sebahagian usaha memperkukuh pelaksanaan latihan kemahiran dan pemerksaan peserta.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif YKN, Puan Nordina Haron; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPWK, Dato' Ruziah binti Haji Shafei; Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Puan Hanani binti Sapit serta KP Hajah Nora binti Musa, Pengarah Bahagian Korektif Ibu Pejabat Penjara Malaysia.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN DANA DAN KOMUNIKASI KORPORAT
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA**

###tamat##

MENGENAI YKN

Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) merupakan sebuah tabung kebajikan yang ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah dan di bawah bidang kuasa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. YKN diperbadankan pada 5hb Disember 1981 berdasarkan surat kelulusan Y.A.B Perdana Menteri di bawah Ordinan Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dan telah dilancarkan oleh D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong VII pada 6hb April 1982. Pentadbiran YKN dikawalselia oleh Surat Ikatan Amanah bertarikh 18 Jun 1981.

YKN menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam usaha menjana dana kewangan dan perkhidmatan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan melalui perkhidmatan kebajikan, kesihatan dan pendidikan.

Untuk maklumat lanjut atau sumbangan, sila hubungi:

Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN)

 03 – 8323 2236/ 2237

 corporatecomm@yknm.org.my

 www.yknm.org.my